

Harian Metro 1/3/2021 m/s.19

## Empangan atasi bah di Gua Musang

**Kota Bharu:** Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan membina empangan jana kuasa hidroelektrik di Nenggiri, Gua Musang yang antara lain bertujuan menangani masalah banjir.

Pengerusi TNB, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, pembinaan projek berkenaan dijangka dimulakan bulan ini dan pengumuman rasmi akan dibuat selepas pihaknya mengadakan perbincangan dengan kerajaan negeri.

Menurutnya, dengan pembinaan empangan itu, ia akan menjadikan sistem tebatan banjir yang mampu menyekat pengaliran air ke dalam sungai sehingga berlaku banjir.

"Sebelum ini empangan jana kuasa hidroelektrik sudah dibina di Cameron Highlands, Pahang; Sungai Perak, Perak dan Tasik Kenyir, Terengganu.

"Saya akan mengadakan pertemuan dengan kerajaan negeri berhubung perkara ini dan membuat pengumuman rasmi mengenai projek itu.

"Pada masa sama, pembinaan empangan berkenaan dapat mempertingkatkan tenaga elektrik termasuk solar," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan sumbangan sempena Program Ceria ke Sekolah TNB di sini, semalam.

Mengenai Program Ceria ke Sekolah TNB, Mahdzir berkata, pihaknya menyediakan peruntukan sebanyak RM3 juta menerusi program berkenaan berbanding hanya RM1 juta tahun lalu.

"Tahun ini, kita menaikkan peruntukan bagi program berkenaan menerusi program tanggungjawab sosial korporat TNB untuk membantu lebih 30,000 pelajar sekolah daripada keluarga berpendapatan rendah (B40).

"Bagi negeri Kelantan, TNB memilih 1,400 pelajar miskin yang akan menerima sumbangan pakaian dan peralatan asas persekolahan termasuk pakaian seragam sekolah, beg serta alat tulis," katanya.



MAHDZIR (kiri) pada Program Ceria ke Sekolah TNB, semalam.